

PAS nasihatkan NGO batalkan himpunan balas

MalaysiaKini.com

Jan 20th, 2017

PAS menasihatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) - BEBAS membatalkan hasrat mereka untuk menganjurkan himpunan balas secara serentak bagi membantah terhadap perhimpunan Akta 355 anjuran parti itu pada 18 Februari ini.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, beliau bimbang NGO berkenaan akan menggunakan platform berkenaan untuk menghasut dan situasi itu akan menimbulkan perasaan kurang senang kalangan rakyat.

“Nasihat saya kepada NGO ini, batalkan hasrat mereka itu.

“Himpunan PAS ini lebih kepada penerangan dan untuk tunjukkan sokongan terhadap usaha yang telah kita lakukan sebelum ini dan ia tidak memberi ancaman kepada sesiapa,” katanya yang dipetik akhbar *Utusan Malaysia*, hari ini.

Takiyuddin juga dilaporkan berkata himpunan PAS itu bertujuan memberikan penerangan dan mesej secara jelas kepada rakyat termasuk bukan Islam tentang hasrat kerajaan Kelantan membuat penambahbaikan dalam enakmen kanun jenayah syariah.

Beliau juga dipetik sebagai berkata, PAS berharap pindaan rang undang-undang tersebut akan dibawa sekali lagi ke Parlimen untuk dibaca, dibahas pada Mac ini.

Rabu lalu, aktivis Azrul Mohd Khalib, Azira Aziz dan R Suresh dalam satu kenyataan berkata himpunan balas BEBAS bertujuan untuk menunjukkan bantahan keras terhadap rang undang-undang persendirian Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau dikenali sebagai Akta 355.

Himpunan yang dinamakan ‘Rakyat Tolak Usul Hadi’ akan berlangsung dari 3-5 petang pada 18 Februari.

Perhimpunan Akta 355 PAS bertujuan mendapatkan sokongan rakyat terhadap pindaan itu yang akan membolehkan Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman yang lebih berat

dengan meningkatkan had hukuman penjara tiga tahun, denda RM5,000 dan enam sebatan rotan kepada penjara sehingga 30 tahun, denda RM100,000 dan 100 kali sebatan.

Utusan Malaysia juga melaporkan Takiyuddin sebagai berkata, PAS belum bersedia untuk menjalinkan kerjasama politik dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) bagi menghadapi PRU-14 nanti.

Katanya, parti itu belum membuat sebarang ketetapan berhubung perkara tersebut dan ia akan dibincang secara lebih mendalam terlebih dahulu bagi melihat impak jika kerjasama itu dilaksanakan.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/369912>